



**PENYATA
KEWANGAN
KERAJAAN
NEGERI SELANGOR
2016**



PENYATA KEWANGAN 2016

OLEH



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH

PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2016

Penyata Kewangan Negeri Selangor disediakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan urus niaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi tahun kewangan 2016.

Persembahan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi **Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan**. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.

KANDUNGAN**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2016**

Muka Surat

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

i

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Sijil Ketua Audit Negara

PENYATA KEWANGAN**Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2016**

Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Bendahari Negeri Selangor	1
Penyata Kedudukan Kewangan	2
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	3
Penyata Prestasi Kewangan	4
Penyata Akaun Memorandum	5
Nota kepada Penyata Kewangan	6

LAMPIRAN KEPADA NOTA**LAMPIRAN**

1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	35
2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	57
3 Penyata Perbelanjaan Pembangunan Hutan	69
4 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	73
5 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	85
6 Penyata Akaun Memorandum Liabiliti	89

**PENYATA
KEWANGAN**



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor dan laporannya disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Laporan ini disediakan bertujuan untuk menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta ringkasan urus niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah sempurna disediakan dan dikemukakan ke Jabatan Audit Negara Negeri Selangor pada 2 Februari 2017.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor telah disediakan menurut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia mengandungi tiga akaun utama mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.


PRESTASI BELANJAWAN

Belanjawan tahun 2016 yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor pada November 2015, memperuntukkan RM1,440.00 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM1,440.00 juta bagi perbelanjaan pembangunan (termasuk peruntukan melalui pinjaman persekutuan berjumlah RM64.60 juta).

Jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2016 adalah RM2,763.68 juta, iaitu 95.96% daripada peruntukan berjumlah RM2,880.00 juta dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM1,399.21 juta dan perbelanjaan pembangunan RM1,364.47 juta.


Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan dan bekalan. Perbelanjaan tanggungan berjumlah RM129.66 juta, iaitu 97.79% daripada jumlah peruntukan RM132.60 juta. Perbelanjaan bekalan berjumlah RM1,269.55 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 97.10% daripada jumlah peruntukan RM1,307.40 juta.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2016 berjumlah RM1,364.47 juta iaitu 94.75% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM1,440.00 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan secara langsung adalah berjumlah RM1,320.95 juta, manakala perbelanjaan secara Pinjaman Persekutuan berjumlah RM43.52 juta. **Carta 1** menunjukkan belanjawan dan perbelanjaan sebenar Negeri Selangor bagi tahun 2016.



PRESTASI KEWANGAN

Operasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 berakhir dengan kurangan sebanyak RM264.02 juta berbanding tahun 2015 dengan lebih sebanyak RM232.79 juta. Kurangan ini disebabkan oleh hasil yang dikutip adalah sebanyak RM2,499.66 juta berbanding dengan perbelanjaan sebanyak RM2,763.68 juta. **Carta 2** menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016.



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.


Selaras dengan asas perakaunan tunai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi akaun hasil dan akaun amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. **Carta 3** menunjukkan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 5 tahun.



WANG AWAM

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2016 adalah berjumlah RM50.32 juta terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan RM3.66 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan RM5.71 juta dan Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM40.95 juta. **Carta 4** menunjukkan kedudukan Wang Tunai pada tahun 2016.




Pelaburan

Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2016 adalah berjumlah RM3,000.88 juta berbanding RM3,023.66 juta pada tahun 2015. Deposit Dalam Negeri (simpanan tetap melebihi tempoh tiga (3) bulan) merupakan komponen terbesar di dalam Pelaburan. Laporan terperinci mengenai pelaburan boleh dirujuk kepada Nota 4, Nota Kepada Penyata Kewangan.

Selain daripada simpanan Kerajaan Negeri dalam bentuk simpanan tetap di bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan, Kerajaan Negeri juga membuat pelaburan dalam saham melalui Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Warisan Anak Selangor. **Carta 5** menunjukkan kedudukan Wang Awam dari tahun 2012 hingga 2016.

CARTA 5
KEDUDUKAN WANG AWAM NEGERI
SELANGOR TAHUN 2012 HINGGA 2016




KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Carta 6 menunjukkan kedudukan Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri dari tahun 2012 hingga 2016.

CARTA 6
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN
NEGERI SELANGOR BAGI
TAHUN 2012 HINGGA 2016




Hasil

Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2016 adalah sebanyak RM2,499.66 juta berbanding hasil tahun 2015 berjumlah RM2,527.69 juta iaitu pengurangan 1.11% sebanyak RM28.03 juta.


Prestasi kutipan Hasil Cukai pada tahun 2016 adalah berjumlah RM594.68 juta berbanding anggaran RM599.93 juta. Pencapaian Hasil Bukan Cukai iaitu 122.37% sebanyak RM1,720.45 juta telah dikutip berbanding anggaran sebanyak RM1,405.94 juta. Bagi Terimaan Bukan Hasil, kutipan yang diperolehi adalah berjumlah RM184.53 juta iaitu 75.59% daripada yang dianggarkan berjumlah RM244.13 juta. **Carta 7** menunjukkan pecahan jenis hasil pada tahun 2016.

CARTA 7
PECAHAN KUTIPAN HASIL NEGERI
SELANGOR TAHUN 2016




Carta 8 dan **Carta 9** menunjukkan prestasi kutipan hasil dan pertumbuhan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016.

CARTA 8
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN
NEGERI BAGI TEMPOH 2012 HINGGA
2016 (RM JUTA)



CARTA 9
PERTUMBUHAN HASIL NEGERI




Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus telah mencapai 97.17% bagi tahun 2016 berbanding jumlah yang diperuntukkan. Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2016 berjumlah RM1,399.21 juta berbanding RM1,222.01 juta pada tahun 2015 iaitu peningkatan 14.50% sebanyak RM177.20 juta.

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merupakan perbelanjaan tertinggi bagi Kerajaan Negeri iaitu berjumlah RM490.80 juta. Manakala Pemberian dan Kenaan Tetap adalah sebanyak RM405.52 juta, diikuti Emolumen sebanyak RM401.33 juta, Perbelanjaan-perbelanjaan Lain dan Aset masing-masing sebanyak RM76.96 juta dan RM24.60 juta. **Carta 10** menunjukkan pecahan belanja mengurus pada tahun 2016.

CARTA 10
PECAHAN BELANJA MENGURUS 2016
NEGERI SELANGOR



Carta 11 menunjukkan prestasi perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga 2016.




AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan memperakaunkan semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang berkaitan. Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2016 adalah berbaki sifar.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada tahun 2016, Akaun Amanah Disatukan telah menunjukkan baki sebanyak RM1,600.28 juta berbanding RM1,663.03 juta pada tahun 2015.

Carta 12 menunjukkan jumlah baki Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2016 dan 2015.



Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

- Kumpulan Wang Pembangunan;
- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan;
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan; dan
- Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.


Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2016 telah mencatat keseimbangan di antara terimaan dan bayaran berbanding kurangan

sebanyak RM44.81 juta pada tahun 2015. Oleh yang demikian, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2016 adalah RM128.85 juta sama seperti pada tahun 2015. Perbelanjaan Pembangunan iaitu perbelanjaan langsung dan pinjaman telah mencatatkan peningkatan sebanyak 27.11% berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak RM289.60 juta.

Carta 13 menunjukkan penerimaan dan perbelanjaan pembangunan Negeri Selangor bagi tahun 2012 hingga 2016.

CARTA 13
PENERIMAAN DAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2012 HINGGA 2016



Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuhkan berdasarkan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 mengaunkan

semua terimaan dan bayaran berkaitan dengan kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri dan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri. Pada 31 Disember 2016 baki Kumpulan Wang ini adalah berjumlah RM5.13 juta berbanding RM45.64 juta pada 31 Disember 2015.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan (Akaun Stor dan Kerja Tak Beruntuk dan Workshop dan Akaun Workshop Jabatan Kerja Raya), Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Kumpulan Wang ini berbaki sebanyak RM991.30 juta dalam tahun 2016 berbanding RM1,047.88 juta dalam tahun 2015.

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan merupakan kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Enakmen Hutan 1984. Kumpulan Wang ini telah mencatatkan keseimbangan di antara terimaan dan bayaran berbanding lebih pada tahun 2016 berbanding lebih sebanyak RM4.04 juta pada tahun 2015. Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada 31 Disember 2016 adalah RM15.62 juta.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan amanah khas bagi mengakaunkan wang yang diterima bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah Awam adalah berbaki sebanyak RM321.90 juta pada tahun 2016 berbanding RM326.90 juta pada tahun 2015.

Deposit

Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Pada tahun 2016, Akaun Deposit adalah berbaki RM137.48 juta berbanding RM98.14 juta pada tahun 2015.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah mencatatkan pengurangan wang tunai sebanyak RM184.63 juta berikutan jumlah bayaran RM2,826.43 juta melebihi jumlah terimaan RM2,641.80 juta. Wang tunai pada 31 Disember 2016 adalah sebanyak

RM50.32 juta. Laporan terperinci mengenai penerimaan dan pembayaran wang tunai boleh dirujuk di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri.

Jumlah terimaan sebanyak RM2,641.80 juta adalah terdiri daripada hasil berjumlah RM2,499.66 juta iaitu 94.62%, terimaan pinjaman berjumlah RM99.90 juta iaitu 3.78% dan terimaan modal berjumlah RM42.24 juta iaitu 1.60%.

Jumlah bayaran Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 adalah RM2,826.43 juta. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM1,376.48 juta iaitu 48.70% manakala perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1,364.47 juta iaitu 48.28%, bayaran balik pinjaman dalam negeri berjumlah RM22.73 juta iaitu 0.80% dan bayaran lain Akaun Amanah berjumlah RM62.75 juta iaitu 2.22%.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM ASET

Pinjaman Boleh Dituntut


Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sejumlah amaun kepada anak syarikat/agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai aktiviti dan projek yang dilaksanakan. Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2016

adalah berjumlah RM1,038.12 juta berbanding RM1,048.12 juta pada 31 Disember 2015 iaitu penurunan sebanyak 0.95%.

Pelaburan

Baki terkumpul pelaburan Kerajaan Negeri dalam anak-anak syarikat yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2016 dan 2015 adalah berjumlah RM191.10 juta. **Carta 14** menunjukkan kedudukan Akaun Memorandum Aset bagi tahun 2012 hingga 2016.

CARTA 14
AKAUN MEMORANDUM ASET NEGERI SELANGOR
TAHUN 2012 HINGGA 2016



PENYATA AKAUN MEMORANDUM LIABILITI


Hutang Awam

Kerajaan Negeri telah membayar balik pinjaman sejumlah RM214.30 juta daripada jumlah pinjaman pokok Kerajaan

Persekutuan berjumlah RM1,309.36 juta, dan baki pinjaman pokok pada 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM1,095.06 juta.

Carta 15 menunjukkan pecahan hutang awam Kerajaan Negeri pada tahun 2016.

CARTA 15
PECAHAN HUTANG AWAM NEGERI
SELANGOR TAHUN 2016



PENUTUP


Adalah menjadi matlamat Perbendaharaan Negeri Selangor untuk menguruskan kewangan Kerajaan Negeri Selangor dengan cekap serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa agar semua dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksana dengan berkesan bagi mengekalkan prestasi negeri maju yang telah dicapai.

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

**PENYATA
KEWANGAN**



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak Pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2016; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
26 Mei 2017



PENYATA
KEWANGAN



PENYATA KEWANGAN

GLOSARI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2016

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

WANG AWAM

Wang Tunai

Pelaburan

KUMPULAN WANG DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan

Akaun Pinjaman Disatukan

Akaun Amanah Disatukan

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN
WANG TUNAI**

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Memorandum Aset

Pinjaman Boleh Dituntut

Pelaburan

Memorandum Liabiliti

Hutang Awam

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2016 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2016.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2016.



DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN

Pegawai Kewangan Negeri
1 Februari 2017



MOHD REDZUAN BIN HASAN

Bendahari Negeri
1 Februari 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	50,319,371.10	234,953,049.73
PELABURAN	4	3,000,886,671.92	3,023,656,954.04
		3,051,206,043.02	3,258,610,003.77
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	1,450,921,628.34	1,595,579,088.61
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,600,284,414.68	1,663,030,915.16
		3,051,206,043.02	3,258,610,003.77

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

		2016		2015	
	Nota	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		594,682,378.82		607,162,875.22	
Hasil Bukan Cukai		1,720,447,845.05		1,702,092,432.80	
Terimaan Bukan Hasil		<u>184,534,381.76</u>	2,499,664,605.63	<u>218,435,530.98</u>	2,527,690,839.00
Pinjaman					
Dalam Negeri	6	99,897,250.00		99,675,456.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	99,897,250.00	<u>0.00</u>	99,675,456.00
Terimaan Modal					
Pelbagai Terimaan Modal	7	19,465,165.43		20,004,798.58	
Jualan Instrumen Kewangan	4	<u>22,770,282.12</u>	42,235,447.55	<u>92,895,395.66</u>	112,900,194.24
Terimaan Lain					
Terimaan Amanah	7	<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Jumlah Terimaan			2,641,797,303.18		2,740,266,489.24
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		401,336,265.13		377,160,341.36	
Perkhidmatan dan Bekalan		490,796,073.31		419,840,193.47	
Aset		24,595,845.75		16,531,416.36	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		382,788,487.56		380,069,290.18	
Perbelanjaan Lain		<u>76,964,221.83</u>	1,376,480,893.58	<u>12,417,655.02</u>	1,206,018,896.39
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		1,320,955,540.05		912,438,164.89	
Pinjaman		<u>43,518,129.70</u>	1,364,473,669.75	<u>160,446,850.05</u>	1,072,885,014.94
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Pinjaman					
Dalam Negeri	9	22,729,918.00		16,000,000.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	22,729,918.00	<u>0.00</u>	16,000,000.00
Bayaran Lain					
Bayaran Amanah		<u>62,746,500.48</u>	62,746,500.48	<u>294,769,089.66</u>	294,769,089.66
Jumlah Bayaran			2,826,430,981.81		2,589,673,000.99
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(184,633,678.63)		150,593,488.25
Wang Tunai Pada 1 Januari			234,953,049.73		84,359,561.48
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>50,319,371.10</u>		<u>234,953,049.73</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

		2016		2015
	Nota	Anggaran	Sebenar	Sebenar
		RM	RM	RM
HASIL	5	2,250,000,000.00	2,499,664,605.63	2,527,690,839.00
Tolak:				
Belanja Mengurus	5	1,440,000,000.00	1,399,210,811.58	1,222,018,896.39
LEBIHAN HASIL		810,000,000.00	1,100,453,794.05	1,305,671,942.61
Tolak:				
Belanja Pembangunan	7	1,440,000,000.00	1,364,473,669.75	1,072,885,014.94
LEBIHAN/ (KURANGAN) KESELURUHAN		(630,000,000.00)	(264,019,875.70)	232,786,927.67
DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman Dan Bantuan Luar Negeri			99,897,250.00	99,675,456.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan			19,465,165.43	20,004,798.58
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			144,657,460.27	(352,467,182.25)
JUMLAH PEMBIAYAAN			264,019,875.70	(232,786,927.67)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		1,038,120,264.11	1,048,123,287.82
Pelaburan		191,103,697.00	191,103,697.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		1,095,062,140.05	1,028,359,468.53

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang–undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri Selangor, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

- iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan dan seumpamanya.
- d) Entiti Perakaunan Kerajaan Negeri Selangor adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016 RM	2015 RM
Wang Tunai Dalam Bank	40,953,074.56	230,909,067.71
Wang Tunai Dalam Perjalanan	5,709,846.54	384,432.02
Wang Tunai Dalam Tangan	3,656,450.00	3,659,550.00
JUMLAH WANG TUNAI	50,319,371.10	234,953,049.73

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Pelaburan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016 Nilai Buku		2015 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Pelaburan Tabung Warisan	535,492,030.68	-	482,171,160.95	-
Pelaburan Tabung Amanah Bencana Alam	56,338,909.12	-	52,079,291.09	-
Pelaburan Tabung Warisan Anak Selangor	12,649,230.12	-	-	-
Jaminan Bank Pertanian Malaysia	-	10,000,000.00	-	10,000,000.00
Saham*	-	262,406,502.00	-	262,406,502.00
Deposit Dalam Negeri	-	2,124,000,000.00	-	2,217,000,000.00
Jumlah	604,480,169.92	2,396,406,502.00	534,250,452.04	2,489,406,502.00
JUMLAH PELABURAN	3,000,886,671.92		3,023,656,954.04	

Nota (*)- Pelaburan saham hendaklah dibaca bersekali dengan Penyata Memorandum Pelaburan (F2)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016			2015	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JAN		1,595,579,088.61		1,202,345,310.89	
HASIL					
Hasil Cukai	599,934,790.00	594,682,378.82	99.12	607,162,875.22	110.22
Hasil Bukan Cukai	1,405,937,838.00	1,720,447,845.05	122.37	1,702,092,432.80	141.85
Terimaan Bukan Hasil	244,127,372.00	184,534,381.76	75.59	218,435,530.98	99.64
Jumlah Hasil	2,250,000,000.00	2,499,664,605.63	111.10	2,527,690,839.00	128.31
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	410,547,766.84	401,336,265.13	97.76	377,160,341.36	95.90
Perkhidmatan & Bekalan	507,613,254.69	490,796,073.31	96.69	419,840,193.47	94.23
Aset	25,935,544.98	24,595,845.75	94.83	16,531,416.36	93.46
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	418,084,624.72	405,518,405.56	96.99	396,069,290.18	95.10
Perbelanjaan Lain	77,818,808.77	76,964,221.83	98.90	12,417,655.02	79.85
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)	1,440,000,000.00	1,399,210,811.58	97.17	1,222,018,896.39	94.84
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	1,360,400,000.00	1,245,111,254.32	91.53	912,438,164.89	97.64
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (Selepas Pindahan)	2,800,400,000.00	2,644,322,065.90	94.43	2,134,457,061.28	96.02
Lebihan/ (Kurangan) bagi Tahun	(550,400,000.00)	(144,657,460.27)		393,233,777.72	
BAKI PADA 31 DISEMBER		1,450,921,628.34		1,595,579,088.61	

Nota (**) – Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016				2015	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	471,163,000.00	471,163,000.00	473,954,319.65	100.59	473,059,708.99	105.59
Cukai Parit & Talair	33,134,790.00	33,134,790.00	21,464,248.80	64.78	33,943,930.50	151.20
Cukai Eksport Hasil Hutan	40,000,000.00	40,000,000.00	42,114,651.75	105.29	48,437,010.07	161.46
Cukai Hiburan	55,637,000.00	55,637,000.00	57,149,158.62	102.72	51,722,225.66	102.62
Jumlah Hasil Cukai	599,934,790.00	599,934,790.00	594,682,378.82	99.12	607,162,875.22	110.22
HASIL BUKAN CUKAI						
Bayaran Pendaftaran, Lesen & Permit	73,601,196.00	73,601,196.00	86,217,275.39	117.14	100,343,571.36	186.40
Perkhidmatan & Bayaran	132,772,581.00	132,772,581.00	101,011,610.88	76.08	130,071,589.59	103.31
Perolehan Dari Jualan Barang-barang	1,085,638,335.00	1,085,638,335.00	1,325,273,012.29	122.07	1,297,401,538.16	141.84
Sewaan	5,690,130.00	5,690,130.00	28,835,301.88	506.76	6,344,141.40	104.86
Keuntungan Pembiayaan & Perolehan	93,008,846.00	93,008,846.00	120,550,681.62	129.61	124,323,621.86	149.62
Denda & Hukuman	9,216,750.00	9,216,750.00	37,662,424.71	408.63	30,107,970.43	291.68
Sumbangan & Bayaran Ganti	6,010,000.00	6,010,000.00	20,897,538.28	347.71	13,500,000.00	225.00
Jumlah Hasil Bukan Cukai	1,405,937,838.00	1,405,937,838.00	1,720,447,845.05	122.37	1,702,092,432.80	141.85
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulang Balik Perbelanjaan	40,284,880.00	40,284,880.00	19,999,160.76	49.64	27,741,270.98	71.28
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	203,842,492.00	203,842,492.00	164,535,221.00	80.72	190,694,260.00	105.76
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	244,127,372.00	244,127,372.00	184,534,381.76	75.59	218,435,530.98	99.64
JUMLAH HASIL	2,250,000,000.00	2,250,000,000.00	2,499,664,605.63	111.10	2,527,690,839.00	128.31

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri. Perbelanjaan ini termasuklah bayaran pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan ganti rugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Negeri Selangor, ianya tidak termasuk dalam Enakmen-Enakmen Perbekalan kerana perbelanjaan tanggungan telah terdahulunya dibenarkan oleh Undang-Undang Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2016			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T.01				
Peruntukan Diraja	23,138,780.00	23,138,780.00	21,487,889.70	92.87
T.02				
Pejabat Dewan	11,362,084.00	11,362,084.00	10,225,075.61	89.99
T.03				
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	457,733.00	457,733.00	401,310.00	87.67
T.04				
Pelbagai	97,641,920.00	97,641,920.00	97,551,638.46	99.91
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	132,600,517.00	132,600,517.00	129,665,913.77	97.79
PERBELANJAAN BEKALAN				
B.01				
Menteri Besar & SUK	129,606,539.00	129,606,539.00	127,031,500.81	98.01
B.02				
Pelbagai Perkhidmatan	80,200,909.00	80,200,909.00	80,200,909.00	100.00
B.03				
Dewan Negeri Selangor	26,088,373.00	26,088,373.00	24,924,303.42	95.54
B.04				
Perbendaharaan Negeri Selangor	233,642,864.00	233,642,864.00	231,752,998.01	99.19
B.05				
Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun	0.00	0.00	0.00	0.00
B.07				
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1,507,465.00	1,507,465.00	1,439,240.02	95.47
B.08				
Jabatan Pertanian Negeri Selangor	21,521,033.00	21,521,033.00	20,493,790.66	95.23
B.09				
Pejabat Tanah Dan Galian	25,836,798.00	25,836,798.00	25,406,975.04	98.34
B.10				
Jabatan Perhutanan	21,791,491.00	21,791,491.00	21,463,348.15	98.49
B.11				
Jabatan Mufti	3,581,129.00	3,581,129.00	3,501,920.50	97.79
B.12				
Jabatan Kerjaraya Selangor	120,108,549.00	120,108,549.00	115,362,312.26	96.05
B.13				
Jabatan Pengairan Dan Saliran Selangor	103,477,126.00	103,477,126.00	100,598,126.27	97.22
B.14				
Jabatan Agama Islam Selangor	264,035,004.00	264,035,004.00	260,944,538.89	98.83

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut (sambungan):

Maksud Perbelanjaan	2016			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN BEKALAN				
B.15 Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor	22,883,894.00	22,883,894.00	17,758,744.11	77.60
B.16 Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	8,855,893.00	8,855,893.00	8,624,726.72	97.39
B.17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor	16,205,380.00	16,205,380.00	14,145,044.78	87.29
B.18 PDT Petaling	15,025,306.00	15,025,306.00	14,587,098.74	97.08
B.19 PDT Gombak	13,919,211.00	13,919,211.00	13,503,538.56	97.01
B.20 PDT Klang	13,932,796.00	13,932,796.00	13,349,272.60	95.81
B.21 PDT Kuala Langat	11,871,269.00	11,871,269.00	11,739,120.95	98.89
B.22 PDT Hulu Langat	14,130,835.00	14,130,835.00	13,888,449.90	98.28
B.23 PDT Sepang	11,173,620.00	11,173,620.00	10,858,941.05	97.18
B.24 PDT Kuala Selangor	12,162,098.00	12,162,098.00	11,646,586.70	95.76
B.25 PDT Hulu Selangor	12,614,614.00	12,614,614.00	12,428,669.82	98.53
B.26 PDT Sabak Bernam	12,939,670.00	12,939,670.00	12,113,276.27	93.61
B.27 Mahkamah Syariah	32,044,887.00	32,044,887.00	31,317,859.12	97.73
B.29 Perbendaharaan Negeri – Perbelanjaan Am	78,242,730.00	78,242,730.00	70,463,605.46	90.06
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	1,307,399,483.00	1,307,399,483.00	1,269,544,897.81	97.10
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum pindahan)	1,440,000,000.00	1,440,000,000.00	1,399,210,811.58	97.17
B.06 Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan	1,360,400,000.00	1,360,400,000.00	1,245,111,254.32	91.53
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)	2,800,400,000.00	2,800,400,000.00	2,644,322,065.90	94.43

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 – Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa Undang-Undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016 (Debit) / Kredit RM	2015 (Debit) / Kredit RM
PINJAMAN		
Pihak Berkuasa Tempatan		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran / Pindahan	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Badan Berkanun		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran / Pindahan	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Bekalan Air		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	99,897,250.00	99,675,456.00
Bayaran / Pindahan	99,897,250.00	99,675,456.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Perumahan Awam Kos Rendah		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran / Pindahan	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Pelbagai		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran / Pindahan	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengaikaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada 01.01.2016 (Debit) / Kredit	Debit	Kredit	Baki pada 31.12.2016 (Debit) / Kredit
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	128,846,226.37	1,357,709,913.20	1,357,709,913.20	128,846,226.37
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	45,640,043.77	76,313,769.83	35,801,544.31	5,127,818.25
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,047,879,352.23	2,619,025,180.55	2,562,442,268.64	991,296,440.32
Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	15,627,712.64	6,763,756.55	6,763,756.55	15,627,712.64
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>1,237,993,335.01</i>	<i>4,059,812,620.13</i>	<i>3,962,717,482.70</i>	<i>1,140,898,197.58</i>
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Awam	326,897,914.08	394,365,582.62	389,373,598.08	321,905,929.54
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	<i>326,897,914.08</i>	<i>394,365,582.62</i>	<i>389,373,598.08</i>	<i>321,905,929.54</i>
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	98,124,051.07	51,556,534.13	90,881,739.62	137,449,256.56
Deposit Pelarasan	15,615.00	0.00	15,416.00	31,031.00
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	<i>98,139,666.07</i>	<i>51,556,534.13</i>	<i>90,897,155.62</i>	<i>137,480,287.56</i>
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	1,663,030,915.16	4,505,734,736.88	4,442,988,236.40	1,600,284,414.68

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

- i) Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil dari Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, Pemberian Persekutuan (Geran) dan pelbagai terimaan.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016 (Debit) / Kredit RM	2015 (Debit) / Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	128,846,226.37	173,658,620.42
TERIMAAN		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	99,897,250.00	99,675,456.00
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	1,241,853,663.20	907,660,889.31
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	15,959,000.00	15,959,000.00
Jumlah Terimaan	1,357,709,913.20	1,023,295,345.31
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	1,314,191,783.50	907,660,889.31
Pinjaman	43,518,129.70	160,446,850.05
Jumlah Bayaran	1,357,709,913.20	1,068,107,739.36
Lebihan/ (Defisit) Bagi Tahun	0.00	(44,812,394.05)
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER	128,846,226.37	128,846,226.37

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 – Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

- ii) Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam Negeri, Ahli Pentadbiran, Perundangan dan Dewan Negeri Selangor dan Badan Berkanun Negeri. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan bayaran balik pinjaman perumahan.

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016 (Debit) / Kredit RM	2015 (Debit) / Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	45,640,043.77	40,136,192.64
TERIMAAN		
Tambahan Caruman Pinjaman	0.00	0.00
Pinjaman Perseorangan		
Bayaran Balik Pinjaman Perseorangan	35,801,544.31	39,800,400.54
Pendapatan Faedah		
Bayaran Balik Faedah Pinjaman Perseorangan	0.00	0.00
Jumlah Terimaan	35,801,544.31	39,800,400.54
BAYARAN		
Pinjaman Perseorangan		
Pengeluaran Pinjaman Perseorangan	76,313,769.83	34,296,549.41
Jumlah Bayaran	76,313,769.83	34,296,549.41
BAKI KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN PADA 31 DISEMBER	5,127,818.25	45,640,043.77

Transaksi terimaan dan bayaran adalah termasuk jurnal pelarasan bagi Kumpulan Wang ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

- iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Perihal	2016 (Debit) / Kredit RM	2015 (Debit) / Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	2,500,000.00	2,500,000.00
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	2,300,000.00	2,300,000.00
Akaun Bayaran Pukal	0.00	0.00
Akaun Penyelesaian Bank (Bank Clearance Trust Payroll)	0.00	0.00
Akaun Pemindahan Wang Antara Bank	0.00	0.00
Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air	(208,673,202.59)	(220,948,096.86)
Pelarasan Defisit Kumpulan Wang Bekalan Air	0.00	0.00
Akaun Pindahan Baki Bank Lama	0.00	0.00
Akaun Penyelesaian Bendahari Negeri	34,544,758.93	0.00
Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	11,915,580.90	17,677,121.36
Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT	3,185,469.43	2,551,577.13
Kumpulanwang Simpanan Pekerja	0.00	0.00
Lembaga Tabung Haji	0.00	0.00
Insurans Kebangsaan Malaysia Sdn. Bhd. (MNI)	0.00	0.00
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	0.00	0.00
Cukai Pendapatan	0.00	0.00
Potongan Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	0.00	0.00
Pelarasan Gaji	0.00	0.00
Potongan Majlis Agama Islam Selangor - MAIS	0.00	0.00
Amanah Saham Nasional	0.00	0.00

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut (sambungan):

Perihal	2016 (Debit) / Kredit RM	2015 (Debit) / Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Biro Perkhidmatan Angkasa	0.00	0.00
Coshare Holdings Berhad	0.00	0.00
Tabung Pendidikan Anak-Anak Pegawai & Kakitangan Kerajaan N. Selangor	0.00	0.00
Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran Yayasan Terengganu	0.00	0.00
PNSB Insurance Brokers Sdn. Bhd	0.00	0.00
Bayaran Balik Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	0.00	0.00
Bayaran Balik Pinjaman Kementerian Pendidikan Malaysia	0.00	0.00
Bayaran Balik Pinjaman Yayasan Selangor	0.00	0.00
Pinjaman Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	0.00	0.00
MCA	0.00	0.00
Syarikat Takaful Malaysia Bhd	0.00	0.00
Kumpulan Wang Pinjaman Pelajaran MARA	0.00	0.00
Potongan Nafkah	0.00	0.00
MIC	0.00	0.00
Amanah Raya Berhad	0.00	0.00
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM)	0.00	0.00
Pegawai Daerah Kuala Langat	0.00	0.00
Yayasan Negeri Sembilan	0.00	0.00
Bendahari Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	0.00	0.00
Tabung Pembangunan Islam Selangor	0.00	0.00
Majlis Agama Islam Selangor (Zakat)	0.00	0.00
Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran JPA	0.00	0.00
Tetuan Othman & Co. Peguambela Peguamcara	0.00	0.00
PKNS	0.00	0.00
A.U.E.G.C.A.S	0.00	0.00
Kelab Sukan Kuala Langat	0.00	0.00
Kelab Keb. Sukan Pejabat Daerah Petaling	0.00	0.00
Nugime	0.00	0.00
Kelab Sukan JPS Selangor	0.00	0.00
Kelab Sukan Pej. Daerah Kuala Selangor	0.00	0.00
Kelab Sukan Kebajikan Pej. Daerah Hulu Selangor	0.00	0.00
Kesatuan Pembantu Urusan Haiwan	0.00	0.00

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut (sambungan):

Perihal	2016 (Debit) / Kredit RM	2015 (Debit) / Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Kesatuan Penjaga Binatang Sakit	0.00	0.00
Kelab Sukan JKR Selangor	0.00	0.00
Persatuan Penghulu Negeri Selangor	0.00	0.00
Persatuan Juruteknik Pertanian	0.00	0.00
Persatuan Perkhidmatan Teknik Malaysia	0.00	0.00
Persatuan Kebajikan & Sukan Jabatan Hutan	0.00	0.00
Bakajasa	0.00	0.00
Koperasi Serbaguna Kapar Berhad	0.00	0.00
Kelab Sukan Dan Kebajikan Perbendaharaan	0.00	0.00
Potongan Khas KSKP	0.00	0.00
Great Eastern Life Assurance Company	0.00	0.00
Kelab Sukan Dan Kebajikan Pejabat Daerah Kelang	0.00	0.00
Kesatuan Kebajikan Pekerja JKR Sabak Bernam	0.00	0.00
Kelab Sukan Setiausaha Kerajaan Selangor	0.00	0.00
Kelab Sukan Perancang Bandar Dan Desa	0.00	0.00
Kelab Sukan & Kebajikan Jabatan Pertanian	0.00	0.00
Kelab Sukan & Kebajikan PD/Tanah Sepang	0.00	0.00
Kelab Sukan & Kebajikan PTG	0.00	0.00
Kelab Sukan & Kebajikan PD Gombak	0.00	0.00
Badan Kebajikan K/T Mahkamah Syariah Selangor	0.00	0.00
Kelab Kebajikan & Sukan Pejabat Pertanian Sepang	0.00	0.00
Kelab Kebajikan & Sukan JKR Selangor	0.00	0.00
Koperasi Kredit Pekerja JKR K.Langat	0.00	0.00
Kelab Sukan & Kebajikan Pej Tanah/ Daerah Sabak Bernam	0.00	0.00
Sewa Rumah/Perabut Wilayah Persekutuan	0.00	0.00
Kelab Sukan & Kebajikan Pej. Daerah Hulu Langat	0.00	0.00
Tabung Amanah Kebajikan Kakitangan PNS	0.00	0.00
Pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran	0.00	0.00
Takaful Ikhlas	0.00	0.00
Public Bank Berhad	0.00	0.00
Skim Perlindungan Takaful Nasional Sdn.Bhd.	0.00	0.00
Skim Simpanan Pendidikan Nasional	0.00	0.00

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut (sambungan):

Perihal	2016 (Debit) / Kredit RM	2015 (Debit) / Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Kelab Sukan & Kebajikan JPS Petaling	0.00	0.00
Kelab Kebajikan Dan Rekreasi Kakitangan JPV Selangor	0.00	0.00
Potongan Tabung PAS	0.00	0.00
Kelab Sosial, Sukan & Rekreasi Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	0.00	0.00
Parti Keadilan Rakyat	0.00	0.00
Pinjaman Peribadi BSN	0.00	0.00
Kelab Kebajikan Dan Rekreasi UPEN	0.00	0.00
Koperasi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor Berhad	0.00	0.00
Skim Pembiayaan K/T Kerajaan Yayasan Dar Al-Qard Al Hasan Selangor	0.00	0.00
Malaysia Building Society Berhad (Kemudahan Pembiayaan Peribadi-l Eksklusif)	0.00	0.00
Caruman PERKESO Majikan	0.00	0.00
Caruman PERKESO Pekerja	0.00	0.00
Potongan Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Kedua	0.00	0.00
Bayaran Ganti Rugi Mungkir Perjanjian Kem. Pendidikan Malaysia	0.00	0.00
Akaun Penyelesaian Post	0.00	0.00
JUMLAH AKAUN PENYELESAIAN	(154,227,393.33)	(195,919,398.37)
AKAUN PERNIAGAAN		
Akaun Stor Dan Kerja Tak Beruntuk Dan Worksyop	1,900,000.00	1,900,000.00
Akaun Worksyop Jabatan Kerja Raya	213,977.82	772,912.21
JUMLAH AKAUN PERNIAGAAN	2,113,977.82	2,672,912.21
AKAUN PINJAMAN		
Pendahuluan Membeli Kenderaan Jabatan – Akaun Peruntukan	6,000,000.00	6,000,000.00
Pendahuluan Membeli Kenderaan Jabatan – Akaun Urusniaga	(693,356.20)	(759,265.38)
Pendahuluan Membeli Kenderaan ADUN – Akaun Peruntukan	800,000.00	800,000.00
Pendahuluan Membeli Kenderaan ADUN – Akaun Urusniaga	(280,173.30)	(575,460.66)
Pendahuluan Diri Pegawai Awam – Akaun Peruntukan	1,500,000.00	1,500,000.00
Potongan Gaji-Pendahuluan Diri	(16,169.83)	0.00
Perbelanjaan Di Bawah AP 59	(14,350.00)	0.00
Pendahuluan Diri Pegawai Awam – Akaun Urusniaga	(28,792.38)	(25,639.96)
Pendahuluan Pelbagai – Akaun Peruntukan	3,920,000.00	3,920,000.00
Pendahuluan Pelbagai – Akaun Urusniaga	0.00	0.00

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut (sambungan):

Perihal	2016 (Debit) / Kredit RM	2015 (Debit) / Kredit RM
AKAUN PINJAMAN		
Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Komputer Negeri – Akaun Peruntukan	2,000,000.00	2,000,000.00
Kumpulan Wang Amanah Pendahuluan Komputer Negeri – Akaun Urusniaga	(1,504,515.30)	(1,137,897.45)
Pinjaman Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SSI)	(14,340,114.68)	(14,340,114.68)
Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan – Badan Berkanun Dan Badan Lain	1,025,364,943.50	1,025,364,943.50
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	(88,000,000.00)	(104,000,000.00)
Kumpulan Darul Ehsan Bhd	(629,600,000.00)	(630,300,000.00)
ASAS	(4,000,000.00)	(8,000,000.00)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	(5,908,255.89)	(1,433,333.59)
Kolej INPENS	(1,208,533.18)	(768,420.16)
Invest Selangor Berhad	0.00	0.00
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd	(33,224,219.00)	(33,224,219.00)
KDEB Waste Management Sdn Bhd	(3,930,000.00)	0.00
Yayasan Negeri	(24,806,698.07)	(27,806,698.07)
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	0.00	0.00
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0.00	0.00
Majlis Perbandaran Kajang	(6,849,797.44)	(6,576,389.38)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	(25,166,107.73)	(7,910,348.99)
Majlis Perbandaran Selayang	(7,477,989.26)	(10,419,058.39)
